



## **GARIS PANDUAN & SYARAT- SYARAT PERMOHONAN**

### **1. NAMA**

Lesen di bawah Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia (PKBM) mempunyai beberapa kategori. (Rujuk Perkara 3 - Kategori)

### **2. TUJUAN**

- Lesen ini adalah tertakhluk di bawah undang- undang Union Cycling International (UCI) – Rujuk Artikel: 1.1.039 ;Buku Peraturan UCI.
- Rekabentuk dan maklumat di dalam lesen adalah mengikut format UCI.

### **3. KATEGORI**

#### **3.1 Ahli Gabungan**

- i) Lesen 'Ahli Gabungan' adalah kategori lesen untuk 17 ahli gabungan PKBM seluruh Malaysia.
- ii) Pemegang lesen layak untuk menyertai kejohanan di dalam kalendar UCI, Asia dan Kebangsaan untuk mengumpul mata samada di untuk Sukan Olimpik, Sukan Asia, Sukan SEA dan lain- lain kejohanan yang terdapat di calendar UCI dan PKBM.
- iii) Setiap pengeluaran lesen akan dirujuk kepada Setiausaha Kehormat Negeri sebelum dikeluarkan dan jika tidak mendapat sokongan Ahli Gabungan permohonan akan dibatalkan dan wang akan dikembalikan.
- iv) Kategori- kategori berikut adalah merangkumi Ahli Gabungan untuk mengenalpasti pelumba setiap disiplin:-
  - **BMX**
  - **BMX – Challenge**
  - **MTB**
  - **Road**
  - **Track**
  - **Indoor Cycling**
  - **Para Cycling**
  - **Cyclo Cross**
  - **Trials**
  - **E Sports**
- v) **Yuran Permohonan adalah sebanyak RM 60/seorang.**

### **3.2 Individu**

- i) Lesen 'Individu' adalah kategori lesen untuk individu yang tidak menjadi ahli di bawah Persatuan Negeri.
  - ii) Pemegang lesen layak untuk menyertai kejohanan di dalam kalendar UCI dan PKBM untuk beriadah dan sebagainya.
  - iii) Pengeluaran lesen tidak perlu mendapat sokongan persatuan dan akan terus diproses oleh PKBM.
  - vi) Kategori- kategori berikut adalah merangkumi Individu untuk mengenalpasti pelumba setiap disiplin:-
    - **BMX**
    - **BMX – Challenge**
    - **MTB**
    - **Road**
    - **E Sports**
- iv) Yuran Permohonan adalah sebanyak RM 80/seorang.**

### **3.3 Commissaire**

- i) Lesen 'Commissaire' adalah kategori lesen untuk UCI Commissaire dan National Commissaire yang merupakan ahli di bawah Ahli Gabungan.
- ii) Setiap Commissaire perlu memohon lesen di bawah Ahli Gabungan untuk permohonan diluluskan.
- iii) Setiap pengeluaran lesen akan dirujuk kepada Setiausaha Kehormat Negeri sebelum dikeluarkan dan jika tidak mendapat sokongan Ahli Gabungan permohonan akan dibatalkan dan wang akan dikembalikan.
- iv) **Yuran Permohonan adalah mengikut tahap kelayakan:-**

<b>UCI Commissaire</b>	<b>:</b>	<b>RM 300</b>
<b>National Commissaire</b>	<b>:</b>	<b>RM 60</b>

### **3.4 Continental Team**

- i) 'Continental Team' merupakan Ahli Bersekutu di bawah PKBM dan berdaftar dengan UCI.
- ii) 'Continental Team' merangkumi Pegawai dan Pelumba di bawah Kelab.
- iii) Senarai Kelab yang berdaftar di PKBM dan UCI:-
  - Terengganu Cycling Team (TSG)
  - Sapura Cycling Team (TSC)
  - Sweet Nice Cycling Team (SNC)
  - SDF Cycling Team (SDF)
- iv) Yuran Permohonan adalah sebanyak RM 300/seorang.**

### **3.5 General Member**

- i) 'General Member' merangkumi Marshall, Pegawai Persatuan, Para Medic, Media, Organiser, Technical Officer, Police dan lain- lain yang berkaitan.
- v) Kategori ini untuk individu yang terlibat daripada kejohanan samada bertugas atau penganjur.
- vi) Jika permohonan di bawah negeri akan dirujuk kepada Setiausaha Kehormat Persatuan Negeri/ Ahli Gabungan.
- vii) Jika permohonan di buat secara individu tidak memerlukan sokongan dan akan diproses oleh PKBM.
- viii) Yuran Permohonan adalah sebanyak RM 60/seorang.**

### **3.6 Foreigner**

- ii) 'Foreigner' adalah kategori untuk individu luar bukan warganegara yang tinggal di Malaysia dan aktif berbasikal.
- ix) Permohonan perlu disertakan dengan salinan passport untuk diproses secara email. (Akan dihubungi PKBM).
- x) Pemegang lesen ini tidak layak untuk bertanding di dalam kejohanan kebangsaan di Malaysia tetapi boleh memasuki kejohanan - kejohanan lain.
- xi) Permohonan ini tidak perlu mendapat sokongan Ahli Gabungan dan akan dibuat di bawah PKBM.
- vii) Kategori- kategori berikut adalah merangkumi 'Foreigner':
  - **Cycling For All**
  - **Road**
  - **MTB**
- xii) Yuran Permohonan adalah sebanyak RM 150/seorang.**

#### **4. STATUS & HAD UMUR**

Terbuka kepada warganegara Malaysia dan pemohon hendaklah berumur 6 tahun sehingga 60 tahun.

#### **5. TEMPOH PERMOHONAN**

Januari sehingga Disember.

#### **6. MANFAAT**

- Pemegang lesen dilindungi di bawah insurans berkelompok dengan polisi RM 15,000.00 seorang.
- Lesen diiktiraf di peringkat antarabangsa sekiranya pemegang lesen bertanding di dalam kejohanan di bawah UCI.
- Pemegang lesen akan diberikan nombor 'UCI ID' yang akan digunakan sepanjang hayat jika kekal aktif di dalam sukan berbasikal.

#### **7. YURAN PENDAFTARAN**

(Rujuk Perkara 3 - Kategori)

#### **8. PROSEDUR PERMOHONAN**

- BORANG PERMOHONAN 'ONLINE'
  - Borang permohonan boleh didapati di website [www.mncf.my](http://www.mncf.my) dan perlu diisi secara atas talian dan bayaran dibuat menggunakan ToyyibPay.
  - Butiran/ Maklumat di dalam borang permohonan perlu diisi dengan lengkap dan betul untuk mengelakkan sebarang kesulitan di dalam proses pengeposan dan tuntutan insurans pada masa akan datang.
  - Nama pemohon dan no. kad pengenalan perlu diisi seperti di dalam kad pengenalan.
  - Gambar berukuran passport perlu disertakan.

- **PENGHANTARAN BORANG PERMOHONAN**
  - Penghantaran adalah dijalan secara atas talian 'online' selepas borang lengkap diisi hantar klik pada butang 'I'M NOT A ROBOT' dan 'SIGNUP'.
  - Pemohon akan menerima satu email pengesahan setelah PKBM meluluskan permohonan dan email pengesahan tidak diterima serta merta.
  - Pemohon tidak perlu menghantar salinan resit kepada PKBM kerana bayaran akan disemak di dalam sistem.
  - Nama- nama pemohon akan dipaparkan di ruangan 'Member List' di website [www.mncf.my](http://www.mncf.my).
  - Proses pengeposan akan menggunakan syarikat 'courier' untuk penghantaran kali pertama dan sekiranya masalah alamat salah atau tidak dihubungi, penghantaran kali kedua akan menggunakan pos biasa (setem).
  - Pertanyaan lanjut jika terdapat masalah permohonan boleh dihantar ke email [uci.license.mas@gmail.com](mailto:uci.license.mas@gmail.com) .
  
- **BAYARAN PERMOHONAN**
  - Bayaran yuran pendaftaran dibuat secara atas talian menggunakan ToyyibPay dan menggunakan kaedah FPX.
  - Resit bayaran akan dikeluarkan oleh ToyyibPay setelah membuat bayaran.

## **9. INSURANS**

- Syarikat Insurans : The Pacific Insurance Berhad
- Jenis Insurans : Insurans Am Berkelompok
- Kadar Caruman : RM 15,000/ seorang
  
- Tempoh kuatkuasa Insurans adalah sebulan selepas tarikh permohonan diterima sehingga akhir Disember setiap tahun.
  
- Tuntutan insurans hanya boleh dibuat jika pemohon mengalami kecederaan semasa kayuhan santai/ latihan serta semasa menyertai kejohanan di dalam Kalendar Kejohanan sahaja. Jika kecederaan berlaku semasa menyertai kejohanan yang tidak berdaftar di bawah PKBM, tuntutan insurans tidak boleh dibuat.

- Caruman insurans meliputi tahap kecederaan minimum patah tulang atau lain- lain kecederaan yang lebih serius yang memerlukan rawatan doktor pakar di hospital.
- Caruman insurans meliputi seperti berikut:-
  - Kematian/ Hilang Keupayaan kekal
  - Hilang Keupayaan Sementara
  - Hilang Keupayaan Separuh Sementara
  - Perbelanjaan rawatan
- Prosedur Tuntutan Insurans
  - Pemohon perlu mengemukakan dokumen- dokumen berikut bagi memulakan proses tuntutan:-
    - Salinan Kad Pengenalan Pemohon yang disahkan
    - Laporan Polis (Salinan Asal)
    - Laporan Rawatan oleh Doktor yang Merawat (Salinan Asal)
    - Bil- bil Rawatan (Salinan Asal)
    - Sijil Cuti Sakit jika mengalami ketidakupayaan (Salinan Asal)
    - Rawatan Post- Mortem Perubatan jika kematian (Salinan Asal)
  - Pemohon perlu mengemukakan dokumen- dokumen di atas dengan kadar segera selepas kemalangan dan dihantar ke pejabat PKBM.
  - Proses tuntutan akan dikendalikan oleh PKBM dan semua dokumen perlu dihantar ke pejabat PKBM untuk diproses.
  - Keputusan tuntutan insurans akan dimaklumkan oleh PKBM setelah mendapat maklum balas daripada syarikat insurans.
- Kematian @ Hilang Keupayaan Kekal yang dialami oleh penunggang motosikal semasa kejadian hanya akan menerima tuntutan sejumlah RM 7,500.00 kerana mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding pemandu kereta.
- Tuntutan insurans kemalangan adalah berdasarkan resit rasmi bayaran Hospital Kerajaan/ Swasta dan maksimum pembayaran bagi kemalangan ialah RM 500.00 sahaja.

- Sekiranya pemohon telah menuntut di syarikat insurans yang lain, tuntutan kali kedua tidak akan diluluskan oleh The Pacific Insurance Berhad

**10. TEMPOH MASA PENGELUARAN**

- Lesen akan dikeluarkan dalam tempoh 1 bulan dari tarikh penerimaan borang permohonan.
- Lesen yang diposkan ke negeri Semenanjung Malaysia akan mengambil masa 1 minggu untuk diterima pemohon jika tiada masalah pengiriman.
- Lesen yang diposkan ke negeri Sabah/ Sarawak akan mengambil masa 2 minggu untuk diterima pemohon jika tiada masalah pengiriman.
- Lesen yang 'return' akan dipos semula menggunakan pos biasa dan pihak PKBM tidak akan bertanggungjawab jika lesen tidak sampai kepada pemohon kerana telah menggunakan 'courier' dan kesilapan alamat adalah atas kesilapan pemohon yang tidak memberikan alamat yang lengkap.

**11. TEMPOH SAH LAKU LESEN**

- Lesen ini mempunyai tempoh sah laku selama setahun dari Jan – Disember tahun semasa.
- Lesen perlu diperbaharui selepas setahun dan prosedur pengeluaran adalah sama seperti di atas.
- Tiada lagi perubahan warna lesen setiap tahun kerana UCI telah memansuhkan penggunaan warna bagi lesen.

**12. PERTANYAAN & PENYERTAAN KEJOHANAN**

- Sebarang pertanyaan berkaitan lesen, sila hubungi pejabat PKBM di talian 06-2644422 atau email [uci.license.mas@gmail.com](mailto:uci.license.mas@gmail.com) .

Syarat- syarat permohonan ini telah dikeluarkan oleh:  
Bahagian Perlesenan  
Persekutuan Kebangsaan Berbasikal Malaysia